

NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik dapat tajaan ejen peralatan sukan

Berita Harian, 12 January 1995, Page 10

 Article also available on Microfilm Reel NL19850

[Printer-Friendly Page](#)

Sheik dapat tajaan ejen peralatan sukan

KEUPAYAAN Sheik Alauddin Yacoob memenangi gelaran juara silat dunia mendapat pengiktirafan.

Sebuah syarikat setempat, Liang Seng Private Limited, bersedia menghulurkan tajaan bernilai hampir \$2,000 dalam bentuk peralatan sukan.

[^ Scroll to Top](#)

Liang Seng Private Limited adalah ejen pembekal peralatan sukan untuk seni pertahanan diri yang terdiri daripada jenama Victory, Adidas Martial Arts dan Hayashi.

SILAT

Sheik berkata, beliau tetap berbesar hati kerana kejayaannya itu mendapat perhatian.

"Saya tidak dapat melahirkan betapa gembiranya saya kerana ini merupakan julung-julung kalinya seorang pesilat seperti saya diberikan bantuan seumpama ini.

"Ia merupakan suatu petanda baik bahawa silat olahraga mendapat perhatian daripada masyarakat bukan Melayu," jelas Sheik.

Pihak pengarah syarikat tersebut tambah Sheik, telah menemui cara peribadi dan menyatakan kesediaan membekalkan peralatan tersebut.

"Ia akan membekalkan semua peralatan pertahanan di-

ri yang boleh digunakan ketika latihan dan pertandingan. Mereka juga akan memberi baju hitam, *track-suit* dan segala kelengkapan yang berkaitan dengan seni pertahanan diri.

Menurut Sheik, satu majlis penyampaian peralatan

[^ Scroll to Top](#)

barang-barang itu secara rasmi akan diadakan esok di pejabat syarikat tersebut.

Menyentuh matlamatnya tahun ini, Sheik berkata, beliau ingin mengekalkan pingat emas yang dimenanginya dalam Sukan SEA Singapura 1993.

“Tetapi kejayaan yang lalu itu tidak harus menjadi sandaran dan kayu ukur bagi pencapaian tahun berikutnya.

“Bagi saya, setiap kejohanan itu merupakan medan pertarungan baru dan kerana itu saya perlu berusaha dan berlatih gigih jika ingin mengekalkan kedudukan saya,” kata Sheik yang bertugas sebagai instruktor latihan jasmani di kelab Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB).

Selain Sukan SEA, Sheik juga berharap dapat memperkenan persembahan terbaik jika beliau dipilih menyertai Kejohanan Terbuka Indonesia dan Brunei.